

'Luak Sungai Ujong milik Orang Asli'

3/2/88

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEREMBAN, Isnin — Sekumpulan anak-anak Waris Negeri Cerak di Darat Luak Sungai Ujong tetap mempertahankan bahawa mereka berketurunan Orang Asli beragama Islam yang bernama Batin Berchanggal Besi.

Serentak itu, mereka berkata pesaka Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) adalah milik Orang Asli dan bukannya Bendahara Melaka menerusi Johor seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Jurucakap mereka, yang mendakwa mewakili sebilangan besar anak-anak Waris Negeri di Darat, berkata Batin Berchanggal Besi ketika itu berpangkat 'Batin Memerintah Negeri'.

Berkahwin

"Batin Berchanggal Besi berkahwin dengan Berderal Besi dan mereka mempunyai dua anak perempuan — seorang anak kandung bernama Tok Dara Derani dan seorang anak angkat bernama Puteri Mayang Selida.

"Tok Dara Derani mempunyai seorang anak perempuan bernama Batin Sibul Jaya manakala Puteri Mayang Selida mempunyai seorang anak lelaki bernama Bendahara Skudal hasil perkahwinannya dengan Sultan Abdul Jalil dari Johor.

"Bendahara Skudal kemudian datang ke Negeri Sembilan dan akhirnya berkahwin dengan Batin Sibul Jaya dan mereka mempunyai empat anak lelaki dua lelaki dan dua perempuan," kata jurucakap itu dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini hari ini.

Dua anak lelaki mereka bernama Tok Jebat, yang juga dikenali sebagai Tok Kelambu atau Mohd Tambu dan Tok Musang manakala dua anak perempuan mereka ialah Tok Semurga dan Tok Seri Mani.

Keturunan Tok Jebat dan Tok Musang mewarisi pesaka Datuk Kelana Putra, keturunan Tok Semurga mewarisi pesaka Datuk Shahbandar dan keturunan Tok Seri Mani mewarisi pesaka Datuk Andika Mendelika selaku Tua Lembaga Tiang Balai Waris di Darat dan Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

"Bagi memperkukuhkan kenyataan bahawa pesaka Datuk Kelana Putra dan Datuk Shahbandar adalah milik Orang Asli, setiap istiadat kerjan (tabal) Datuk Kelana Putra hendaklah disempurnakan oleh seorang Batin Orang Asli yang berasal dari Beranang.

"Aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong juga ada menggariskan bahawa 'Berterombo ke Luak dan berasaliah ke Bukit' yang bermaksud pesaka Datuk Kelana Putra adalah milik Orang Asli," tambahnya.